

SOALAN LAZIM UNIT AKAUN - CEK BATAL/ EFT DITOLAK

Soalan : Apakah pekeliling atau garis panduan yang perlu saya rujuk berkenaan penggantian Cek Terbatal atau EFT Ditolak ini?

Jawapan : Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.7 Tahun 2018 Lampiran F.

Soalan : Bagaimanakah penolakan EFT boleh berlaku?

Jawapan : Terdapat beberapa situasi di mana penolakan EFT boleh berlaku :

- a) Akaun bank penerima telah ditutup; atau
- b) Akaun bank penerima tidak aktif; atau
- c) Kesilapan nama atau nombor akaun bank penerima; atau
- d) Kesilapan kod akaun; atau
- e) Penolakan disebabkan oleh kegagalan sistem bank.

Soalan : Bagaimana saya boleh mengetahui sekiranya terdapat Cek/EFT Ditolak di bawah PTJ saya?

Jawapan :

Laporan EFT Batal Belum Diganti boleh dijana melalui portal iGFMAS <Modul Pengurusan Arahan Bayaran > Laporan > Senarai Cek dan EFT Yang Dibatalkan *atau* Senarai Laporan Terperinci Cek/EFT Batal > masukkan tarikh/tempoh > Jana

Laporan perlu dijana secara harian.

Soalan : Siapakan yang perlu membuat penggantian Cek Terbatal/EFT Ditolak?

Jawapan : PTJ yang telah menyediakan Arahan Pembayaran bagi Cek Terbatal/EFT Ditolak sebelum ini.

Soalan : Bagaimanakah caranya bagi memastikan pembayaran EFT tidak ditolak?

Jawapan : Pegawai bertanggungjawab perlu memastikan nombor akaun bank pembekal adalah tepat dan aktif sebelum penyediaan Pesanan Kerajaan (bagi Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan). Semakan boleh dibuat melalui paparan <Data Induk> <Maklumat Pembekal>

Bagi amaun melebihi RM20,000.00 nama penerima di Arahan Pembayaran haruslah SAMA seperti di akaun bank penerima.

Soalan : Siapakah yang perlu saya hubungi untuk menukar atau membetulkan nombor akaun sedia ada yang terdapat di dalam sistem iGFMAS?

Jawapan :

Sila hubungi:

- a) Pegawai ePerolehan untuk pembekal yang berdaftar dengan ePerolehan; atau
- b) Unit Khidmat Pelanggan dan Pengurusan Latihan (UKPPL) JANMPP bagi perkhidmatan eVendor (untuk pembekal yang tidak berdaftar dengan ePerolehan atau penerima perseorangan)